

Loji air tidak mampu asing logam



Oleh FARHANA HANIM MOHD. MYDIN
farhana.mydin@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Keputusan kerajaan negeri Selangor mengepam air dari bekas lombong bagi menampung keperluan air mentah adalah tidak wajar kerana proses rawatan air secara konvensional tidak mampu mengasingkan kandungan logam yang mungkin terdapat di dalamnya.

Ketua Pusat Penyelidikan dan Analisis Air (ALIR), Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Yang Farina Abdul Aziz berkata, rawatan serta teknologi menapis air yang dilakukan di loji rawatan air tidak akan dapat mengasingkan ion logam yang terkandung di dalamnya.

"Ion logam berat seperti kromium, plumbum dan mangan yang terkandung di dalam air bekas lombong akan terus kekal kerana teknologi tapisan air yang digunakan di negara kita hanya untuk menapis bahan logam ringan yang tidak bahaya.

"Teknologi tapisan air yang Malaysia miliki sekarang ini hanya sesuai digunakan untuk sumber air biasa yang mengandungi mineral yang selamat digunakan selepas melalui proses tapisan dan diselaraskan nilai pH," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohd. Yusoff Ishak pula berpendapat, banyak perkara dari aspek fizikal dan kimia jasad air, jenis dan kepekatan logam-logam berat di dalam air bekas lombong perlu diberi perhatian sebelum airnya dipam ke sungai.

"Hanya lapisan atas yang mungkin selamat, bagaimanapun proses mengepam perlu dilakukan dengan teliti untuk mengelakkan turut mengepam air dari



FARINA



MOHD. YUSOFF

dasar lombong yang berkemungkinan mengandungi logam berat.

"Selepas mengepam air, proses berikutnya ialah membuang bahan logam berat menggunakan proses elektrolisis iaitu sejenis proses yang menggunakan kaedah yang mahal untuk menyedut atau menarik logam berat sebelum bahagian yang ditapis itu melalui tapisan proses konvensional," katanya.

Bagaimanapun, Mohd. Yusoff berkata, proses pengasingan bahan logam berat itu mengambil masa serta kos yang tinggi dan Malaysia tidak mempunyai teknologi untuk melakukan proses pengasingan logam berat bagi kuantiti air yang banyak.



KERATAN *Kosmo!* semalam.

Air lombong sudah masuk ke Sungai Selangor

KUALA SELANGOR - Kerajaan Selangor tetap meneruskan proses mengepam air dari bekas lombong ke sungai bagi menampung keperluan air mentah walaupun mendapat bantahan daripada banyak pihak.

Tinjauan *Kosmo!* di enam kawasan bekas lombong bijih timah Kampung Hang Tuah, Bestari Jaya dekat sini mendapati tiga buah pam air milik Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. milik kerajaan Selangor telah ditempatkan di tiga buah lombong berdekatan.

Hasil tinjauan juga mendapati air dari bekas lombong itu telah dipam ke Sungai Darah yang terletak berdekatan dengan keenam-enam lombong berkenaan sejak sebelas hari lalu.

Seorang pekerja ditemui memberitahu, air dari lombong berkenaan dipam ke sungai itu sebelum ia mengalir ke Sungai Selangor yang menjadi nadi utama keperluan air penduduk di sekitar Lembah Klang.

Dalam pada itu, beberapa penduduk berhampiran kawasan tersebut memberitahu, mereka bimbang dengan kualiti air yang dipam dari lombong berkenaan yang dikhuatiri boleh menjejaskan kesihatan pengguna.



BEBERAPA pekerja melihat proses mengepam air dari sebuah lombong ke Sungai Darah di Kampung Hang Tuah, Bestari Jaya semalam.

Menurut Mohd. Shah Mohamad, 50, dia kluatir air lombong berkenaan mengandungi logam berat yang boleh memudaratkan kesihatan pengguna.

"Saya harap kerajaan Selangor menggunakan kaedah lain terlebih dahulu dan hanya menggunakan air lombong sebagai jalan terakhir sekiranya sudah kehabisan ikhtiar," ujarnya.

Pandangan Mohd. Shah turut dipersetujui seorang

lagi penduduk, Hamzah Sabri, 48, yang berpendapat, pihak berkuasa seharusnya mengelak menggunakan air lombong sebaliknya berusaha untuk mencari alternatif lain.

"Saya tidak bersetuju dengan langkah kerajaan Selangor menggunakan air lombong. Jika ada pihak yang boleh sumbangkan air bersih, mereka patut terima bantuan berkenaan," jelasnya.